



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROJEK KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN RUANG PEJABAT DI TINGKAT 4,
BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA,
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

RUJUKAN TAWARAN: JKED/TAWARAN/UPA/BHEK/Q/2025-41

BIL	SYARAT-SYARAT
1	Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen Kelas II dan III dalam Kategori B01 & E01 yang berdaftar dengan <i>Registry of Companies and Business Names (ROCBN)</i> dan masih sah.
2	Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang mempunyai <i>Certificate of Registration (Business Names Act 16/17 or Companies Act. Chapter 39)</i> dalam kerja-kerja pembersihan dan masih sah.
3	Dokumen sebut harga boleh diperolehi di Unit Perolehan dan Penghapusan, Bahagian Logistik, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iaitu dari 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang.
4	Hanya borang penyertaan yang dikeluarkan oleh jabatan yang ditandatangani oleh pegawai JKED sahaja akan diterima.
5	Sebut harga hendaklah dalam matawang Brunei Darussalam Dolar (BND).
6	Sah laku tawaran dihadapkan hendaklah bagi tempoh selama 6 bulan dari tarikh tutup penyertaan.
7	Syarikat-syarikat hendaklah menyertakan profil syarikat.
8	Syarikat yang mempunyai pengalaman membuat perkhidmatan <i>repair works</i> kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelumnya bolehlah menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan (salinan surat lantikan).
9	Hendaklah menghadapkan ' job report ' untuk ditandatangani oleh pegawai JKED sebagai bukti pelaksanaan tugas dan untuk membuat tuntutan pembayaran.
10	Sesi tinjauan pemeriksaan tempat (<i>site inspection</i>) bagi tujuan penilaian dan tafsiran adalah pada: IBU PEJABAT JKED Tarikh: 11 November 2025 Hari: Selasa Masa: 10.00 pagi

11	Sesi tinjauan adalah MANDATORI dan syarikat yang tidak hadir semasa sesi tinjauan akan hilang kelayakan secara automatik.
12	Sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat bersaiz A4 yang ditutup rapi (<i>sealed</i>) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada: PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA, IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Sampul Surat Tawaran hendaklah ditulis seperti berikut: PROJEK KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN RUANG PEJABAT DI TINGKAT 4, BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM RUJUKAN TAWARAN: JKED/TAWARAN/UPA/BHEK/Q/2025-41
13	Tarikh tutup tawaran: 18 November 2025 , Hari: Selasa , Jam: 2.00 petang
14	Borang penyertaan tidak akan dikeluarkan selepas sesi pemeriksaan tempat dibuat.
15	Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dipertimbangkan.